

Usaha sukarelawan Muslim Aid dan Bom Kitchen amat dialu-alukan kerana membantu masyarakat yang memerlukan sama ada dalam bentuk ilmu atau wang ringgit.



# Ziarah kampung Orang Asli

ANAK-ANAK Orang Asli bersifat terbuka apabila turut menyertai acara permainan yang diadakan oleh Muslim Aid.

kosmo 19/9/12 ms 21.

**S**UASANA Kampung Sentoi, Pos Betau, Raub meriah apabila segerombolan sukarelawan termasuk dua orang dari Universiti Teknologi Malaysia dan Bom Kitchen memasuki kawasan perkampungan tersebut.

Bukan mahu meninjau hasil hutan mereka tetapi para sukarelawan itu datang dengan tujuan membantu penduduk kampung yang terdiri daripada penduduk Orang Asli.

Seramai 45 buah keluarga terlibat dalam program yang dianjurkan oleh Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia (Muslim Aid) pada akhir bulan

Asia (Muslim Aid) pada akhir bulan Mei lalu.

Umum mengetahui bahawa sumber makanan utama masyarakat Orang Asli ialah ubi kayu. Justeru, dengan bantuan chef eksekutif Bom Kitchen, Chef Azry diharap dapat menambah nilai pada sumber makanan mereka sekali gus menambah hasil pendapatan penduduk di Kampung Sentoi.

Chef Azry yang mengetuai pasukan sukarelawan mengajar para penduduk cara membuat tapai ubi dan ikan pekasam menggunakan ubi kayu.

Kelak, hasil makanan yang dibuat itu boleh dijual di pekan-pekan berdekatan dengan kampung mereka seperti di Sungai Koyan.

“Sebenarnya hasil hutan yang dipungut dan tanaman hasil usaha penduduk kampung boleh dimanfaatkan untuk menambah pendapatan,” terang Chef Azry sambil menambah kerepek juga merupakan salah satu jenis makanan yang mudah dibuat dan mampu menarik perhatian ramai.

Sambutan penduduk kampung juga amat menggalakkan, malah mereka bersikap terbuka untuk menyertai setiap acara yang dirangka oleh Muslim Aid.

Wakil penduduk yang dikenali sebagai Faik berharap, program seperti itu perlu dilakukan lebih kerap walaupun ia kelihatan sangat ringkas.

Dia tidak henti-henti mengucapkan terima kasih atas keprihatinan pihak Muslim Aid mengadakan program ziarah ke kampungnya itu.

Selain tunjuk ajar mengenai cara-cara menambah sumber kewangan, Muslim Aid turut mengadakan acara gotong-royong memasak bersama-sama Orang Asli dan sukaneka dengan anak-anak masyarakat itu.

Tiada kata-kata yang dapat digambarkan apabila kegembiraan menyertai permainan jelas terserlah pada wajah kanak-kanak.

Pada sebelah malam pula, penduduk Kampung Sentoi pula menyajikan tarian tradisional Sewang kepada para sukarelawan di rumah Tok Batin.

Salah seorang sukarelawan yang hanya mahu dikenali sebagai Karim berkata, acara sedemikian amat penting terutamanya kepada generasi muda.

Bukan sahaja dapat memberi ban-

tuan kepada mereka yang memerlukan malah yang paling penting orang muda dapat dididik mengenai semangat kerjasama dan tolong-menolong dengan lebih berkesan.

Selain sukarelawan yang terdiri daripada rakyat Malaysia, dua orang daripadanya ialah warganegara Iran yang belajar di negara ini.



MAKANAN tambahan berbentuk pil turut disumbangkan kepada anak-anak Orang Asli.



DUA orang sukarelawan dari Iran (empat dari kiri) turut menyertai aktiviti Muslim Aid kali ini.



PENDUDUK Orang Asli diberi tunjuk ajar cara untuk menambah nilai pada sumber asli, ubi kayu.

SELAIN mengajar penduduk dalam bidang masakan, sukarelawan Muslim Aid turut beramah mesra dengan anak-anak Orang Asli.